

KURSUS KEPIMPINAN
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-
7
DAN
BENGGEL PENYELARASAN PENGURUSAN JAWATANKUASA PERWAKILAN
PELAJAR
PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Pengarah, Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mengadakan Kursus Kepimpinan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Program Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bengkel Pengurusan Pelajar Sektor Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Matrikulasi. Kursus dan bengkel tersebut dijalankan secara pakej yang merupakan salah satu daripada aktiviti atau program Sektor Hal Pelajar (HEP) yang ditakwimkan pada tahun 2009 seperti mana SKT HEP 2009.

2.0 PENDAHULUAN

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) merupakan sebuah badan pelajar yang ditubuhkan di setiap kolej berdasarkan peruntukan dalam seksyen 7, Bahagian III, Akta 174. Fungsi utama penubuhannya adalah untuk menjadi agen perantaraan kepada dua pihak iaitu pihak pengurusan kolej dan juga pihak pelajar berkaitan dengan dasar kolej mahupun berkaitan dengan kebajikan pelajar. Ia juga menjadi badan yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar di kolej agar lebih ceria dan harmonis. Keberkesanan penyaluran maklumat, merancang dan mengendalikan aktiviti memerlukan satu sistem pengurusan dan kepimpinan di kalangan pemimpin JPP yang cekap dan sistematik.

Peranan JPP juga perlu mendapat bimbingan dan panduan dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan kolej. Kecekapan dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajar akan dapat memandu, memberikan pengalaman dan kemahiran kepada JPP dalam menguruskan kebajikan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar di

kolej. Justeru, satu bengkel yang mampu membantu dan menyelaraskan pengurusan JPP perlu diadakan bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan pelajar program matrikulasi dapat dilaksanakan selaras dengan objektif program matrikulasi diwujudkan.

3.0 OBJEKTIF

Kursus dan bengkel ini diharapkan akan dapat

- a. Memberikan kefahaman dan kesedaran kepada pemimpin pelajar tentang peranan dan tanggungjawab mereka kepada pelajar dan pihak kolej.
- b. Membina dan membentuk keperibadian pemimpin pelajar yang cemerlang dan boleh dijadikan model kepada pelajar serta masyarakat kolej.
- c. Melengkapkan kemahiran-kemahiran kepimpinan dan pengurusan di kalangan pemimpin pelajar agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan dan sistematik.
- d. Mempersiapkan pelapis kepimpinan masyarakat dan negara di masa hadapan.
- e. Mewujudkan budaya perkongsian idea, pengalaman dan kemahiran dalam merancang dan menguruskan JPP dan pelajar di kolej dengan lebih cekap dan berkualiti.
- f. Meningkatkan keyakinan dan kewibawaan Pen. Pengarah HEP dan Pen. Pengarah Kaunseling di kolej dalam menguruskan JPP di kolej.

4.0 TEMPAT KURSUS DAN BENGKEL

Dusun Minda Resort, Kuala Nerang, Kedah.

5.0 URUSETIA

Kolej Matrikulasi Kedah.

6.0 PESERTA / URUSETIA KURSUS DAN BENGKEL

6.1 Peserta Kursus Kepimpinan JPP

- a. 255 orang pemimpin JPP (20 orang bagi setiap kolej matrikulasi dan 15 orang setiap kolej MARA).
- b. 9 orang urusetia (pelajar)

6.2 Peserta / Urusetia Bengkel Penyelarasan Pengurusan JPP

- a. 1 KPP HEP BMKPM
- b. 3 PP HEP BMKPM
- c. 1 KJ Pengurusan Pelajar KMK
- d. 1 Ketua Unit Kokurikulum KMK
- e. 14 orang Pen. Pengarah HEP KMKPM
- f. 16 orang PP Kaunseling KMKPM
- g. 2 orang Kaunselor Kolej MARA
- h. 4 Urusetia KMK

7.0 TARIKH

29 Julai – 1 Ogos 2009

8.0 AKTIVITI

a. Kursus Kepimpinan JPP

- i. Perasmian Penutupan oleh Pengarah BMKPM.
- ii. Ceramah (Kursus Kepimpinan JPP)
- iii. LDK
- iv. Kecergasan fizikal

b. Bengkel Penyelarasan Pengurusan JPP

- i. Bengkel Penyelarasan Pengurusan JPP
- ii. Bengkel
 - Pengurusan JPP Berkesan
 - Pengurusan Stress

9.0 PENGANGKUTAN

- a. Peserta
 - Dari kolej ke Dusun Minda Resort, Kuala Nerang, Kedah diuruskan oleh kolej masing-masing kecuali Kolej Matrikulasi Labuan. Kolej Matrikulasi Kedah akan menguruskan pergerakan peserta ulang alik perjalanan dari KLIA dan Dusun Minda Resort, Kuala Nerang, Kedah.
- b. Penceramah Luar
 - Dari KLIA dan Dusun Minda Resort, Kuala Nerang, Kedah diuruskan oleh Kolej Matrikulasi Kedah.

10.0 PENGINAPAN

Peserta dan penceramah – di Dusun Minda Resort, Kuala Nerang, Kedah.

11.0 TUNTUTAN TAMBANG PERJALANAN

Tambang perjalanan ditanggung oleh kolej masing-masing.

12.0 JAWATANKUASA KURSUS DAN BENGKEL

Penasihat : En. Kamal Shukri b. Abdullah Sani (KPP HEP BMKPM)
Penyelaras : En. Mohd Kassim b. Jaafar (PP HEP BMKPM)
Ketua Urusetia : En. Abd. Manaf b. Musa (KJPP KMK)

Kem Komandan : En. Abd. Manaf b. Musa (KJPP KMK)

Urusetia : Pegawai KMK

13.0 JADUAL KURSUS DAN BENGKEL

Rujuk Lampiran

14.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Rujuk Lampiran

15.0 Penutup

Kursus kepimpinan yang akan dilaksanakan ini merupakan salah satu usaha untuk membina asas kepimpinan yang mantap di kalangan pemimpin JPP di kolej-kolej matrikulasi dan kolej Mara. Malah komitmen dan pengurusan JPP yang berkesan juga dapat membantu mempersiapkan diri pelajar sebelum menerima cabaran yang lebih besar dalam memimpin masyarakat dan negara pada masa hadapan.

16.0 Kelulusan Yang Dipohon

Mohon pertimbangan kelulusan untuk mengadakan Kursus Kepimpinan Pelajar Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan Bengkel Penyelarasan Pengurusan Pelajar Program Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia secara pakej.

Disediakan oleh,

(MOHD KASSIM B. JAAFAR)

Pen. Pengarah HEP,

Sektor Hal Pelajar, BMKPM.

Disemak oleh,

(KAMAL SHUKRI B. ABDULLAH SANI)

Ketua Pen. Pengarah Hal Ehwal Pelajar,
Bahagian Matrikulasi, KPM.

Diluluskan / Tidak Diluluskan

(DR. SARIAH BTE ABD. JALIL)

Timbalan Pengarah,
Bahagian Matrikulasi, KPM.

LAMPIRAN A

ANGGARAN BELANJAWAN

KURSUS KEPIMPINAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR

- | | | |
|----|--------------------------------|---------------------|
| 1. | PK 42000 | |
| | a. Penginapan dan makanan | RM 28,512.00 |
| | RM 36.00 x 264 org x 3 hari | |
| | (9 org urusetia pelajar) | |
| | b. Sewaan (peralatan aktiviti) | RM 2,000.00 |
| | RM 2,000.00 | |

c. T-shirt	RM 9,300.00
RM 30.00 x 310 orang	

JUMLAH

RM 39,812.00

LAMPIRAN B

ANGGARAN BELANJAWAN

BENGGEL PENGURUSAN PELAJAR PROGRAM MATRIKULASI

1. PK 29000

a. Penginapan dan makan	RM 12,840.00
-------------------------	---------------------

i. Single Occupancy

RM 120.00 x 4 orang x 3 hari	RM 1,440.00
------------------------------	-------------

ii. Twin Occupancy

RM 100.00 x 38 org x 3 hari	RM 11,400.00
-----------------------------	--------------

2. PK 24000

Sewaan	RM 1,000.00
--------	--------------------

3. PK 21000 (Perjalanan) - Pegawai BMKPM

RM 300.00 x 4 org x 2

RM 2,400.00

JUMLAH

RM 16,240.00

JUMLAH BESAR RM

56,052.00